

Kempen Bulan 'Paperless' di KUKTEM Sepanjang Januari 2003

KEMPEN BULAN 'PAPERLESS' DI KUKTEM SEPAJANG JANUARI 2003

?

3 Januari 2002 - Pihak pengurusan KUKTEM telah mengambil pendekatan E-Management untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti bagi seluruh operasi KUKTEM. Salah satu elemen penting yang diperkenalkan oleh E-Management adalah 'Paperless' atau tanpa kertas. 'Paperless' adalah satu pendekatan di mana setiap operasi dan proses dilakukan secara 'Online' melalui sistem tanpa penggunaan kertas. Antara proses kerja yang terlibat ialah?:

- Pembelajaran secara online
- Pengumuman secara online
- Laporan secara online
- Capaian maklumat secara online
- Meeting secara online
- Permohonan secara online
- Kelulusan secara online

?????????????

Bagi memberi kesedaran dan mempertingkatkan penggunaan konsep 'Paperless' ini, maka pihak pengurusan KUKTEM telah mengambil pendekatan untuk mengadakan kempen bulan 'Paperless'. Bulan Januari 2003 telah dipilih sebagai bulan 'Paperless' bagi mendedahkan konsep ini secara lebih meluas dan beberapa pertandingan serta aktiviti telah diatur bagi memeriahkan lagi kempen ini. Kempen ini melibatkan semua kakitangan dan beberapa aktiviti juga dibuka kepada siswa dan guru?KUKTEM. Kempen Bulan 'Paperless' yang pertama ini lebih melibatkan proses-proses pentadbiran dan pengurusan yang melibatkan staf memandangkan masalah kemudahan fasiliti dikalangan siswa dan guru. Aktiviti didalam kempen ini termasuklah beberapa pertandingan, kempen penggunaan kertas secara bijak, dan kempen penggunaan Sistem 'Paperless'.

?

Diharapkan agar kempen yang akan dijalankan ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk memastikan bahawa KUKTEM akan mara setapak lagi dalam perlaksanaan E-Management nya. Sebarang pertanyaan mengenai kempen ini boleh di rujuk kepada Puan Wan Maseri Wan Mohd. ditanian ext. 845.

?

Aktiviti yang akan dijalankan sepanjang kempen ini adalah:

1.???? Paperless Champion of the Week

Beberapa orang staf universiti akan di?temubual ?bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman masing-masing berkaitan dengan konsep 'Paperless'.

2.???? Pertandingan penulisan artikel berkaitan dengan Paperless

- Terbahagi kepada dua kategori; Staf dan Siswa/siswi
- Syarat-syarat pertandingan akan dimaklumkan sedikit masa lagi.

3.???? Pertandingan ruang kerja Paperless (Paperless Working Area).

- Terbuka kepada semua staf KUKTEM.
- Syarat-syarat pertandingan akan dimaklumkan sedikit masa lagi

4.???? Kempen penggunaan 'Recycle Paper'

- Terbuka kepada semua staf KUKTEM.
- Sila dapatkan recycle paper dari Pejabat Kewangan KUKTEM bagi percetakan yang tidak formal untuk kegunaan 'draft' dan dalaman.

5.?? Kempen percetakan 'double sided'

Semua percetakan yang dilakukan adalah digalakkan dilakukan secara 'double sided'.

?

6.?? Penggunaan Paperless System di dalam E-Management Project:

a.? E-Community

Semua fungsi-fungsi didalam e-community perlu digunakan secara meluas?bagi memastikan 'paperless environment' seperti:?

- i. ?Surat-surat serta makluman dalaman perlu dihantar melalui 'memo' atau 'e-mail'?.
- ii. Mesyuarat perlu dimaklumkan melalui 'appointment'.
- iii. Makluman-makluman terkini perlu dimaklumkan melalui 'latest news'.

b. E-Meeting System

Semua mesyuarat, perbincangan atau 'brainstorming' digalakkan menggunakan sistem ini bagi mengurangkan penggunaan kertas.

c.????? Travelling & Transport System

Semua tempahan kenderaan dan permohonan perjalanan dikehendaki menggunakan sistem ini bagi mengurangkan penggunaan borang-borang.

d.????? Overtime System

Semua permohonan 'overtime' perlu menggunakan sistem ini bagi mengelakkan penggunaan borang-borang.

e.?????? Leave System

Semua permohonan cuti perlu menggunakan sistem ini bagi mengelakkan penggunaan borang-borang.

f.??????? E-Learning System

Nota-nota pembelajaran perlu diletakkan didalam sistem e-learning untuk digunakan oleh pelajar. Pensyarah tidak digalakkan mencetak nota dan mengedarkan kepada para pelajar bagi mengurangkan penggunaan kertas.

g.?????? Penghantaran Surat Secara Eletronik

?

Pejabat-pejabat utama akan dilengkapkan dengan kemudahan 'scanner' untuk memastikan semua surat-surat daripada luar dan surat-surat dalam yang memerlukan pengesahan tandatangan boleh dihantar secara elektronik.

?

?

Posted By : ARMAN BIN A. RAHIM Date Posted : 06-01-2003, 19:54:34